

UniKL berkonsepkan universiti teknikal

Oleh ABDULLAH HAMID

DI NEGARA ini, konsep universiti teknikal yang dipelopori oleh Universiti Kuala Lumpur (UniKL) mungkin masih asing bagi kebanyakan kita.

UniKL, yang dikendalikan di bawah pengurusan MARA menawarkan pengajian yang mengutamakan latihan dalam bidang-bidang yang memerlukan proses atau teknik berteknologi tinggi, khususnya yang berkaitan dengan perindustrian moden.

Sebagai sebuah universiti teknikal, pengambilan pelajar ke UniKL menurut menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, Prof. Datuk Seri Dr. Ibrahim Saad, tidak dititik-beratkan kepada kelulusan akademik.

Sebaliknya menurut beliau, ia lebih tertumpu kepada mereka yang mempunyai latihan kemahiran yang tinggi.

"Untuk memenuhi kriteria itu, UniKL membuka peluang pengajian kepada semua jenis institusi kemahiran tidak kira sama ada Institut Politeknik, Institut Kemahiran Tinggi MARA dan juga institusi-institusi lain seperti

Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)," katanya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Malah tambah Dr. Ibrahim, mereka yang mempunyai kemahiran lebih rendah seperti Giat MARA dan juga Institut Kemahiran Mara (IKM) juga boleh memohon.

Namun, katanya, mereka dikehendaki mempunyai syarat kelayakan akademik yang minimum atau terlebih dahulu mengikut latihan kemahiran yang lebih tinggi.

"UniKL bukannya universiti akademik, namun ia menggabungkan 60 peratus latihan kemahiran bersama-sama 40 peratus akademik," katanya.

UniKL kini telah pun memulakan pengajiannya sejak September tahun lalu bagi pengajian teknologi kejuruteraan dalam Fakulti Mekanikal, Automasi dan Penyelenggaraan.

Seramai 71 orang pelajar telah diambil mengikut pengajian peringkat ijazah yang dijalankan dengan cara memberi penumpuan lebih banyak kepada latihan kemahiran di bengkel-bengkel.

Kumpulan itu telah di tempatkan di kampus perantarnya di Malaysian-French Institute (MFI), Bangi, Selangor.

Tambah Dr. Ibrahim lagi, UniKL pada sesi Julai ini bercadang menambah bilangan bidang pengajian peringkat ijazah dalam empat bidang lagi iaitu meliputi Fakulti Rekabentuk Produk dan Pengeluaran, Fakulti Elektrikal, Elektronik dan Komputer, Fakulti Multimedia, Komunikasi dan Teknologi Maklumat serta Fakulti Pendidikan Teknikal dan Perntagaan Kejuruteraan.

"Kesemua program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (BET) akan dikendalikan secara sepeh masa termasuk di beberapa buah kolej bersekutu UniKL seperti di Malaysian-French Institute (MFI), German-Malaysian Institute (GMI), Taman Shamelin Perkasa, Cheras dan British Malaysian Institute (BMI) di Gombak," katanya.

Beliau berharap UNiKL akan diberikan kelulusan oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN) supaya pengajian baru itu dapat dijalankan tahun ini juga.

UniKL juga mulai tahun ini menawarkan pengajian peringkat diploma khusus dalam kejuruteraan kimia yang meliputi bidang kimia, makanan, bioproses, getah dan polimer serta alam sekitar.

Pengajian bidang kejuruteraan kimia ini akan dijalankan di kampus Tabuh Naning, Melaka.

Pelajar UniKL yang mempunyai ijazah atau diploma selepas tamat pengajian mereka mempunyai kewibawaan memiliki ijazah yang sama taraf dengan universiti-universiti lain juga.

Dr. Ibrahim menjelaskan, jurutera-jurutera yang dilahirkan oleh UNiKL mempunyai kelayakan yang setara dengan universiti lain namun mereka mempunyai kelebihan kerana memiliki kemahiran yang cukup untuk menjadikan mereka lebih profesional.

Dalam jangka panjang, UniKL bercadang menubuhkan lebih banyak fakulti, termasuk automotif, marin dan nautikal, aeronautik serta yang lain-lainnya mengikut perkembangan masa.